

S1

KHUTBAH JUMAAT KHAS NLP SEMPENA HARI KAGAT KE-37  
TAJUK: **CAKNA AKIDAH IBADAH BERMAKNA ATM MULIA**

S2 **الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : يَا أَيُّهَا النَّاسُ أَعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ**

S3 **لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ۝ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ... وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا**

**عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ سَيِّدِ الْخَلَائِقِ وَالْبَشَرِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا وَنَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ**

**وَأَلِهِ كَمَا لَا نَهَايَةَ لِكَمَالِكَ وَعَدَدِ كَمَالِهِ...أَمَّا بَعْدُ... إخوانِ الْمُسْلِمِينَ اتَّقُوا اللَّهَ...**

S4 **Seruan** dari Allah Maha Kuasa, **يَا أَيُّهَا النَّاسُ أَعْبُدُوا رَبَّكُمُ** agar seluruh manusia yang dicipta-Nya, dahulu dan kini **الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ** supaya menunjukkan segala bentuk pengabdian serta mengarahkan peribadatan dan kehidupan hanya kepada-Nya semata-mata, agar dengan itu kita semua bertakwa **لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ** . Makna Takwa di dalam al-Quran, adalah rasa *Khasyyah* dan *Haibah*, iaitu “*rasa ketakutan yang berbalut kecintaan serta rasa takut bersalut pengagungan kepada Allahu Taala.*” Semoga kita berusaha ke arah itu dan memperolehnya suatu hari nanti.

Hadirin Sidang Jumaat Yang Disayangi Allah...

S5 Mengimbau sejarah 37 tahun yang lalu bahkan lebih dari itu, sedari awal tahun 1979 kerana kuatnya cebisan-cebisan iman para pimpinan Negara, Panglima-panglima ATM, Darat, Laut dan Udara ketika itu, sehingga terbitnya idea penubuhan sesuatu entiti atau organisasi yang boleh “*Merancang, menyelaraskan dan melaksanakan usaha-usaha dakwah islamiah dan*

*penghayatan Islam kepada semua pegawai dan anggota dalam ATM".* Maka melalui sidang Majlis Angkatan Tentera (MAT) ke-197, maka tertubuhlah kor ke-16 dalam Tentera Darat pada 16 April 1985 dan itulah kami "**Kor Agama Angkatan Tentera – KAGAT**".

**S6** **Selama** 37 tahun kami bersama tuan-tuan sekalian samada di darat, laut juga udara, kita jatuh dan bangun bersama, bergandingan memperkasakan ATM sebagai Benteng Pertahanan Negara, itulah ikrar taat dan setia kita untuk saling membahu agar Tanahair ini sentiasa terpelihara. Kecintaan pada tanahair adalah fitrah insani dan sunnah Rasulullah SAW. Ketika mana Baginda Rasul SAW dihalau dari kota Makkah dan setibanya di perbatasan antara Makkah dan

**S7** Madinah, **maka** Rasulullah SAW berpaling lalu menuturkan kata-kata:

ما أَطَيْبَكَ مِنْ بَلَدٍ وَأَحَبَّكَ إِلَيَّ وَلَوْلَا أَنَّ قَوْمِي أَخْرَجُونِي مِنْكَ مَا سَكَنْتُ غَيْرَكَ

Maksudnya, "*Alangkah baiknya kau sebagai negeri (kota) dan betapa cintanya diriku kepadamu. Seandainya kaumku tidak mengusirku darimu (Makkah), niscaya aku tidak akan tinggal di kota selainmu.*" (Hadis Riwayat Imam Tirmidzi)

Seluruh warga ATM yang mendengar bicara khutbah hari ini...

**S8** **Kita** semua adalah warga tentera yang terlatih, kemahiran membidik senjata dan mengurus kelengkapan perang di tangan kita, kelengkapan dan aset ketenteraan negara dalam pegangan kita. Namun persoalan yang tetap akan timbul adalah, apakah benar kita semua mampu menjadi sekuat dan seampuh-ampuh benteng pertahanan seandainya negara ini berdepan

ancaman musuh. Pepatah Inggeris memberi jawapnya, "*The Right Man Behind The Gun*" iaitu Orang yang tepat di balik senjata" dan inilah yang ingin saya sampaikan melalui khutbah hari ini agar menjadi bekal peringatan kepada kita semua.

Sahabat-sahabat warga ATM dan awam sekalian...

**S9**        **Pernahkah** kita membaca kisah Lt Adnan Saidi..??? Ketika dia diazab dan dibunuh secara kejam oleh tentera jepun, setiap kali tubuhnya ditikam maka ia melaungkan kata "Allaahu Akbar" sampai ke saat ajalnya. Mampu melaungkan kalimah membesarkan Allah, menandakan ada iman yang kuat di hatinya. Maka itulah seharusnya yang perlu ada di dalam hati kita sebagai pewaris perjuangannya, kerana hanya dengan kekuatan akidah dan iman sahajalah yang mampu menjadi sumber energi bagi seseorang tentera muslim mengharungi kehidupan. Lihatlah sejarah Rasulullah SAW dan para sahabat yang pernah dalam setahun 8 kali berdepan dengan peperangan, kekuatan manakah yang sebegini hebat melainkan kekuatan iman dan kekukuhan akidah. Oleh itu, seharus dan sewajibnya selaku warga ATM khususnya dan awam amnya, supaya bersama kita perkukuhkan akidah dan berusaha untuk tingkatkan iman kepada Allahu Taala pada sebilang masa. Ini kerana natijah akhir yang kita inginkan adalah berada di dalam syurga dengan asbab keyakinan dan kekukuhan akidah dan iman pada Allah SWT dan Rasul-Nya,

Muhammad SAW. Asas iman dan akidah kita adalah Firman Allahu Taala dalam surah al-ikhlas yang bermaksud:

Maksudnya, *"Katakanlah (wahai Muhammad): "(Tuhanku) adalah Allah Yang Maha Esa. Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat..."* (Surah Al-Ikhlâs: 1 – 3)

Para tetamu dan kekasih Allah Jalla Wa'alaa...

**S10** Selepas berjaya memperkukuh dan memperutuhkan akidah serta iman, maka untuk menjadi warga ATM yang benar-benar cemerlang di dunia dan gemilang akhirat, maka tiadalah yang lebih utama lagi selain menghayati tuntutan solat. Peristiwa Israk dan Mikraj menjadi hujahnya, Solat..! bukan Malaikat yang menyampai, namun diterima langsung dari Allah SWT, ia tidak diterima di bumi tetapi dikurnia tatkala dijemput ke langit. Ingat tuan-tuan, untuk terima perintah solat, Allah izinkan Rasulullah berziarah ke syurga dan meninjau azabnya neraka, maka ini memberi faham pada kita bahawa solat di dunia ini akan menjadi penentu tempat keberadaan samada di syurga atau sebaliknya. Perhatikan sabda baginda Nabi Muhammad SAW dari Abu Hurairah RA:

**S11** إِنَّ أَوَّلَ مَا يُحَاسَبُ بِهِ الْعَبْدُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ عَمَلِهِ صَلَاتُهُ فَإِنْ صَلَحَتْ فَقَدْ أَفْلَحَ وَأَنْجَحَ وَإِنْ فَسَدَتْ فَقَدْ خَابَ وَخَسِرَ

Maksudnya, *"Sesungguhnya amal yang pertama dihisab pada seorang hamba pada hari kiamat adalah solatnya. Maka, jika solatnya baik, sungguh dia orang*

yang beruntung dan berhasil. Dan jika solatnya rosak, sungguh dia telah gagal dan rugi." (Hadis Riwayat Imam Tirmizi - Hadis Hasan)

Sahabat-sahabat dan teman-teman sekalian...

**S12** Adapun setelah kita berusaha menghayati Solat dengan sempurna, maka satu lagi rayuan dan permintaan saya kepada seluruh warga ATM dan awam yang mendengar, agar berfikir sejenak akan hubungan kita dengan al-Quran. Hasrat saya dan impian seluruh warga KAGAT, agar warga ATM bukan sekadar boleh membaca al-Quran, namun cita-cita kami agar kita sama-sama boleh menangis dan mengalirkan airmata ketika kita membaca al-Quran, sebagaimana Rasulullah SAW, para sahabat dan salafus soleh. Dengan kehadiran Ramadan kali ini, atas dokongan serta sokongan yang padu dari para Pemerintah dan Asatizah KAGAT, dengan jalinan keakraban Umarak dan Ulama, maka mari bersama kita **Cakna Akidah**, semoga **Ibadah Bermakna** dan warga **ATM** akan jadi lebih **Mulia** dan itulah yang menjadi tajuk dan kesimpulan bicara khutbah sempena hari Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) ke-37 pada esok hari.

**S13** بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ .. وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ .. وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ .. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ ... وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ ... فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ الثَّائِبِينَ .